

## *Program Titian bagi Pelajar Normal Teknikal*

**Nazarudin Abd Bakar**

nazarudin\_abdul\_bakar@moe.edu.sg

**Nor Shana Abdul Aziz**

nor\_shana\_abdul\_aziz@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Bedok View

### *Abstrak*

Ramai pelajar aliran Normal Teknikal yang mengambil matapelajaran Bahasa Melayu Asas menghadapi kesukaran membaca dengan lancar dan memahami teks kefahaman. Ada juga yang tidak mempunyai kosa kata yang lebih meluas. Tujuan kajian ini dijalankan untuk merapatkan jurang kurikulum di peringkat Bahasa Melayu Asas sekolah rendah dan Bahasa Melayu Asas di sekolah menengah. Untuk merealisasikan objektif ini, satu program berasaskan sekolah telah dirancang dan dijalankan oleh pengkaji dan pasukannya. Program ini merangkumi pembinaan rancangan pengajaran yang baharu khusus untuk pelajar-pelajar ini termasuk skema, ujian dan bahan pengajaran. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Menengah 1 aliran Normal Teknikal sahaja. Dapatan kajian menunjukkan bagaimana pelajar dapat dibantu untuk meningkatkan kelakonan mereka dalam penguasaan Bahasa Melayu Asas terutama sekali kemahiran menulis.

Kata Kunci: Program berasaskan sekolah, kesukaran membaca, kurikulum, Bahasa Melayu Asas



## PENGENALAN

Kurikulum Bahasa Melayu Asas (*Foundation Malay Language* - FML) di sekolah rendah bertujuan untuk membantu pelajar yang lemah menduduki peperiksaan PSLE. Penekanan lebih tertumpu pada keterampilan kemahiran bertutur dan mendengar sahaja. Ini dapat dilihat melalui komponen yang diuji di peringkat PSLE. Pemberatan markah juga tertumpu pada kedua-dua kemahiran ini. Kumpulan pelajar ini juga akan disalurkan ke aliran Normal Akademik sekiranya mendapat skor yang baik atau akan disalurkan ke aliran Normal Teknikal di peringkat sekolah menengah. Apa yang menjadi keprihatinan pengkaji, pelajar tidak dapat mencapai kecemerlangan kerana terdapat kelemahan-kelemahan yang ketara dalam kalangan pelajar-pelajar Menengah 1 sehinggakan mereka berasa sukar mengikuti pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat menengah rendah apabila mereka berada dalam aliran Normal Teknikal.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. menyediakan satu kurikulum berasaskan sekolah untuk merapatkan jurang kurikulum di peringkat Bahasa Melayu Asas sekolah rendah dan Bahasa Melayu Asas (BMA) di sekolah menengah;
2. melakarkan bahan-bahan yang sesuai untuk mempertingkatkan pembelajaran BMA untuk pelajar-pelajar N(T) yang pernah mengambil Bahasa Melayu Asas di sekolah rendah; dan
3. membantu guru-guru untuk menyediakan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dan berkualiti pada peringkat awal pelajar di sekolah menengah.

## PERNYATAAN MASALAH

Komponen peperiksaan di aliran Normal Teknikal memerlukan pelajar mengaplikasikan kemahiran membaca dan menulis iaitu bahagian kefahaman di samping kemahiran mendengar. Jurang antara FML dan BML inilah yang menjadi cabaran untuk kedua-dua pihak pelajar dan guru untuk mengatasinya. Maka itu guru perlu melakarkan beberapa strategi sebagai satu langkah



intervensi untuk menangani masalah ini sekali gus menyokong pembelajaran pelajar-pelajar ini.

Keprihatinan untuk menyokong dan menangani masalah ini membuahkan usaha untuk melakarkan suatu kurikulum berasaskan sekolah yang dapat merapatkan jurang tersebut. Menurut Keiny (1993), kurikulum berasaskan sekolah penting untuk memenuhi keperluan serta permasalahan sekolah dan memperkasa guru dengan membina kurikulum yang menggabungkan pengalaman guru dan memotivasikan guru kerana gurulah yang merancang dan melaksanakan kurikulum berasaskan sekolah yang dibina khas.

Sebagai langkah permulaan, guru-guru telah membina semula bahan pengajaran yang dapat membantu pelajar-pelajar tersebut meningkatkan penguasaan kosa kata dan tatabahasa mereka. Ini juga merupakan peluang untuk guru-guru menyediakan bahan yang dapat disesuaikan dengan kemampuan pelajar tersebut agar pengajaran bahasa lebih berkualiti dan pengalaman belajar yang lebih seronok dan autentik agar dapat meningkatkan keyakinan diri mereka di peringkat awal persekolahan menengah mereka.

## **KAJIAN LEPAS**

Kurikulum berasaskan sekolah memerlukan guru-guru berkolaborasi dan menganalisis situasi yang menjadi keprihatinan mereka. Proses selanjutnya, objektif pembinaan kurikulum perlu diasaskan. Setelah itu, satu program pengajaran dan pembelajaran perlu direka dan dilakarkan. Setelah pelaksanaan dilakukan, pemantauan perlu dilakukan untuk meninjau sejauh mana berkesannya program dan apakah perlu dilakukan perubahan untuk memperbaiki program. Conelly dan Ben-Peretz (1980), dalam kajian beliau menyifatkan guru-guru yang terlibat dalam proses membina dan melaksanakan program kurikulum berasaskan sekolah sebagai pelaksana kurikulum yang aktif dan penuh motivasi.

Stenhouse (1975) berpendapat, guru-guru yang melakar dan melaksanakan kurikulum berasaskan sekolah sebenarnya melalui satu proses pembangunan profesional. Berdasarkan kajian ini, pengkaji berasaskan



penting untuk membina satu program titaan untuk pelajar-pelajar aliran Normal Akademik. Program ini diharapkan dapat menyokong pelajar dan memperkasakan penguasaan dan pencapaian pelajar dalam subjek BMA.

## **KAEDAH KAJIAN**

Beberapa kaedah telah dikenal pasti pengkaji untuk melaksanakan kajian ini.

### **Subjek Kajian**

Responden merupakan pelajar-pelajar Menengah 1. Normal Teknikal yang telah dibahagikan kepada dua buah kelas. Mereka dibahagikan mengikut aliran mereka di sekolah rendah iaitu yang mengambil Bahasa Melayu Asas dan kumpulan kedua daripada aliran Bahasa Melayu Standard. Ini juga memudahkan pengumpulan data kerana guru pengkaji mengajar sendiri kedua-dua golongan pelajar tersebut.

### **Instrumen dan Pengumpulan Data**

Dua jenis instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu satu ujian pra dan pasca dan juga keputusan akhir tahun pelajar. Data dikumpulan daripada kedua-dua kelas untuk dianalisis.

### **Soal selidik**

Selepas pengumpulan data, pelajar mengisikan borang soal selidik yang memberi maklumat tentang penggunaan bahasa mereka. Melalui soal selidik ini guru dapat lebih maklumat tentang pendedahan yang mereka dapat di luar bilik darjah. Pendedahan ini penting kerana guru dapat menyesuaikan jangkaan mereka kepada pelajar tersebut dan menyesuaikan pendekatan pengajaran mereka agar lebih berkesan.



## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Satu tinjauan telah dijalankan untuk mengenal pasti latar belakang pelajar berkenaan aspek penggunaan bahasa Melayu di rumah. Kajian menunjukkan bahawa 66.7% orang pelajar lebih senang bertutur dalam bahasa Inggeris. Kajian juga menunjukkan bahawa hanya 50% orang pelajar yang gemar membaca buku cerita Melayu. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini kurang penggunaan bahasa Melayu di rumah atau bersama rakan-rakan di sekolah. Ini akan menjejaskan pemahaman mereka apabila berhadapan dengan teks-teks yang diberi dalam kelas dan peperiksaan. Sila rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Tinjauan Kecenderungan Berbahasa Pelajar

No.	Soalan	Setuju %	Tidak setuju %
1	Saya hanya menggunakan Bahasa Melayu (BM) di rumah ketika bertutur dengan ibu bapa saya.	83.3	16.7
2	Saya hanya menggunakan Bahasa Inggeris (BI) di rumah ketika bertutur dengan ibu bapa saya.	50.0	50.0
3	Saya menggunakan kedua-dua BM & BI ketika bertutur dengan ibu bapa saya di rumah.	83.3	16.7
4	Saya lebih senang bertutur dalam BM.	50.0	50.0
5	Saya lebih senang bertutur dalam BI.	66.7	33.3
6	Saya berasa mudah untuk bertutur dalam BM.	83.3	16.7
7	Saya suka membaca buku cerita Melayu.	50.0	50.0
8	Bahasa Melayu sukar dipelajari.	33.3	66.7

Tinjauan kedua pula telah dijalankan untuk memahami kesukaran pelajar dalam bacaan. Kajian menunjukkan bahawa 50% orang pelajar menghadapi kesukaran dalam menyebut beberapa perkataan yang susah ketika membaca. Kajian juga menunjukkan bahawa 83.3% orang pelajar yang sukar memahami makna beberapa perkataan ketika membaca. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini akan menemui kesukaran apabila berhadapan dengan teks Melayu. Tanpa bantuan, mereka mungkin tidak akan faham langsung teks yang dibaca. Sila rujuk Jadual 2.



Jadual 2: Masalah Membaca Pelajar

Masalah yang kamu hadapi ketika membaca	Pelajar %
Tidak memahami teks.	16.7
Sukar untuk menyebut beberapa perkataan yang susah.	50.0
Sukar memahami makna beberapa perkataan.	83.3

Praujian dan Pascaujian juga telah dijalankan untuk meneliti perkembangan dalam pemahaman pelajar sebelum dan selepas pembelajaran. Kajian prestasi pelajar menunjukkan bahawa hanya 20% orang pelajar yang lulus dalam praujian yang diberikan sementara 62.5% orang pelajar mampu lulus dalam pascaujian yang dijalankan. Selain itu, 87.5% orang pelajar dapat menunjukkan peningkatan dalam peratusan markah yang diperolehi. Purata markah juga telah meningkat daripada 35.7% kepada 55%. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa Program Titian dapat membantu pelajar dalam meningkatkan prestasi mereka dalam menjawab soalan-soalan yang diberikan. Sila rujuk Jadual 3. Markah Praujian dan Pascaujian untuk mendapatkan hasil kajian ini.

Jadual 3: Markah Praujian dan Pascaujian

No.	Nama	Markah Praujian %	Markah Pascaujian %
1	Pelajar 1	40	56.7
2	Pelajar 2	30	80
3	Pelajar 3	50	56.7
4	Pelajar 4	0	60
5	Pelajar 5	70	66.7
6	Pelajar 6	10	33.3
7	Pelajar 7	20	46.7
8	Pelajar 8	30	40
<b>Purata</b>		<b>35.7</b>	<b>55</b>



Markah Kertas 1 (Penggunaan Bahasa dan Kefahaman) Peperiksaan Pertengahan Tahun (MYE) dan Peperiksaan Akhir Tahun (EOY) juga telah dikaji untuk meneliti prestasi pelajar selepas menjalani Program Titian. Kajian menunjukkan bahawa dalam MYE, hanya 37.5% orang pelajar yang lulus sementara 62.5% orang pelajar lulus dalam EOY. Kajian juga mendapati bahawa 50% orang pelajar telah menunjukkan peningkatan dalam markah dan purata markah juga telah meningkat daripada 42.5% kepada 47.5%. Hasil dapatan ini jelas menunjukkan bahawa Program Titian telah membantu para pelajar dengan memberikan ruang untuk menggunakan Bahasa Melayu secara bertulis. Ini juga telah meningkatkan keupayaan pelajar dalam menjawab kertas peperiksaan sehingga mampu menunjukkan peningkatan dalam keputusan peperiksaan bertulis EOY. Sila rujuk Jadual 4.

**Jadual 4: Keputusan Kertas 1 Pertengahan Tahun 2015**

<b>Keputusan Kertas 1 (Penggunaan Bahasa dan Kefahaman)</b>			
<b>No.</b>	<b>Nama</b>	<b>Pertengahan Tahun 2015 (%)</b>	<b>Akhir Tahun 2015 (%)</b>
1	Pelajar 1	20	33
2	Pelajar 2	43	53
3	Pelajar 3	50	60
4	Pelajar 4	33	47
5	Pelajar 5	60	53
6	Pelajar 6	33	27
7	Pelajar 7	57	53
8	Pelajar 8	43	53
Purata		42.5	47.5

Selain itu, markah Kertas 2 (Lisan) MYE dan EOY juga telah dikaji untuk menilai prestasi pelajar selepas menjalani Program Titian. Kajian menunjukkan bahawa 75% orang pelajar telah menunjukkan peningkatan dalam markah EOY berbanding MYE. Purata markah juga telah meningkat daripada 50.3% kepada 66.5%. Hasil dapatan ini juga menunjukkan bahawa Program Titian telah menyediakan platform bagi para pelajar menggunakan Bahasa Melayu dalam konteks-konteks tertentu sehingga mampu menunjukkan peningkatan dalam markah peperiksaan lisan EOY. Sila rujuk Jadual 5: Keputusan



Pertengahan Tahun dan Akhir Tahun untuk mendapatkan hasil kajian ini.

Jadual 5: Keputusan Kertas 2 Pertengahan Tahun dan Akhir Tahun

Keputusan Kertas 2 (Lisan)			
No.	Nama	Markah Kertas 2 MYE %	Markah Kertas 2 EOY %
1	Pelajar 1	44	68
2	Pelajar 2	56	80
3	Pelajar 3	70	70
4	Pelajar 4	0	58
5	Pelajar 5	54	66
6	Pelajar 6	54	60
7	Pelajar 7	66	62
8	Pelajar 8	58	68
Purata		50.25	66.5

## KESIMPULAN

Beberapa kesimpulan dapat dapat diraih melalui kajian ini. Pertama, pelajar dapat memulakan pengajaran dengan rentak yang perlahan dan lebih selesa. Dengan rentak yang berbeza, mereka lebih teruja dan mengambil bahagian yang lebih aktif dalam pelajaran. Ini dapat menawan hati pelajar untuk keperluan individu dan mereka tidak rasa terancam dengan pelajar yang lebih baik. Ini juga merupakan kaedah pembelajaran pembezaan (DI) isi kandungan yang berbeza, yang menitik beratkan pemahaman pelajar dan memberikan maklum balas yang sesuai.

Guru perlu menganalisis kajian dengan lebih reflektif. Lebih-lebih lagi jika guru itu memerlukan sokongan pedagogi. Sokongan yang perlu dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan tentang bagaimana hendak menangani masalah pengajaran dan pembelajaran murid agar dapat menjadi guru yang berkesan. Guru juga perlu mempunyai pengetahuan tentang yang berlaku di sekolah rendah terutama tentang pelaksanaan kurikulum.





Persediaan yang secukupnya perlu disediakan kepada pelajar agar mereka dapat menyesuaikan pembelajaran mereka di peringkat sekolah menengah tanpa mengalami tekanan. Masa peralihan ini juga dirasakan penting untuk menyokong pembelajaran anak-anak didik kita di sekolah menengah.

Nota:

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Syaiful Bahari Abdul Latif

## RUJUKAN

Connely, M.F. & Ben-Peretz, (1980). Teachers role in the using and doing research curriculum development, *Journal of Curriculum Studies*, 12, pp95-107.

Freebody, P., and Luke A. (1999a). A map of possible practices: Further notes on the four resources model. *Practically Primary*, 4 (2), pp.5-8.

——— (1999b). Further notes on the four resources model. "Journal Plus Education," Vol. VIII (2012), No. 1, pp. 232-40

Ludwig, C. (2003). Making sense of literacy. Newsletter of the Australian Literacy Educators' Association.

Luke, A., Freebody, P., & Land, R. (2000). *Literate Futures: Report of the literacy review for Queensland state schools*. Brisbane, Australia: Education Queensland.

Keiny, S. (1993) School-based Curriculum Development as a Process of Teachers' Professional Development, *Educational Action Research*, 1:1, 65-93, DOI: 10.1080/0965079930010105

MOE, Malay CPDD(2008). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Rendah)*

MOE, Malay CPDD(2011). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Menengah)*

Stenhouse,L.(1975) *An introduction to Curriculum Development*.London: Heinemann

